



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA, 21 JUN 2022	
1.	Peniaga risau bekalan ayam makin kurang
2.	Harga ayam RM10 sekilo tidak masuk akal
3.	Terbuka untuk terima kucing
4.	Indonesia to plug shortage of chicken supplies in Singapore
5.	Kertas siasatan kegiatan kartel ayam dibentang minggu depan
6.	Adibah bergolok-bergadai pelihara lebih 40 kucing

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



MUHAMMAD FAHAMI sedang memotong ayam jualannya di Pasar Bukit Payung, Marang semalam.

Pembekal mengehadkan bekalan sejak sebulan lalu

Peniaga risau bekalan ayam makin kurang

Oleh NOOR HAYATI MAMAT

MARANG — Peniaga Pasar Bukit Payung di sini mengeluh apabila bekalan ayam yang diterima berkurangan sehingga menjejaskan operasi perniagaan mereka.

Salah seorang peniaga, Mohamad Shahdan Azizi Rusli, 29, mendakwa mereka tersepit kerana pembekal ayam bukan sahaja menaikkan harga borong malah hadkan bekalan sejak lebih sebulan lalu.

"Pembekal had bekalan sehingga 30 ekor sehari sedangkan permintaan mencecah sehingga 100 ekor. Saya pernah tidak terima seekor ayam pun sehingga terpaksa tutup operasi hari itu.

"Sepanjang bulan ini, sudah

tiga hari saya tidak dapat jual ayam kerana tiada bekalan langsung," katanya ketika ditemui di Pasar Bukit Payung di sini semalam.

Mohamad Shahdan berkata, kadangkala dia terpaksa membeli ayam segar dari rakan-rakan peniaga lain sebelum menjualnya semula bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Katanya, krisis bekalan dan harga ayam yang sedang berlaku ini dianggap antara terburuk sejak dia mula berniaga pada tahun 2006 dan telah menjejaskan teruk perniagaannya.

Seorang lagi peniaga ayam, Muhammad Fahami Mohd Zawawi, 18, pula bimbang masalah kekurangan bekalan ayam ini

akan berlarutan sehingga musim perayaan Hari Raya Aidiladha yang bakal disambut kira-kira dua minggu lagi.

Dia berkata, permintaan ayam pada musim perayaan itu amat tinggi melebihi 100 ekor sehari bagi setiap peniaga.

"Saya harap kerajaan dapat selesaikan segera isu kekurangan bekalan dan harga ayam ini yang bukan sahaja menjejaskan pengguna malah peniaga runcit sepertinya.

"Saya akui terpaksa jual ayam pada harga RM11.10 sekilogram iaitu melebihi RM8.90 bagi kuantiti sama yang ditetapkan kerajaan kerana harga diperolehi daripada pembekal pun sudah RM10.50 sekilogram," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.06.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	MUKA DEPAN & 6

Harga ayam RM10 sekilo tidak masuk akal

Oleh FAHMI FAIZ dan
ARIF AIMA ASROL
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Alasan para penternak yang dikategorikan sebagai pemain gergasi ayam kononnya harga ladang RM7 bagi ternakan itu terlalu rendah sehingga mahu menaikkan harga pasaran ayam lebih RM10 sekilogram bermula Julai ini, adalah tidak masuk akal.

Sumber dalaman industri memberitahu *Utusan Malaysia*, ini kerana mereka 'jarang' membayar harga tersebut untuk kos operasi kerana membeli ayam daripada penternak kontrak di bawah mereka dengan harga jauh lebih murah iaitu RM5.30 sekilogram.

Dakwa beliau, tindakan itu semata-mata mahu menaikkan harga sesuka hati dan mengaut keuntungan atas keperluan pengguna.

Bersambung di muka 6

Harga ayam RM10 sekilo tidak masuk akal

Dari muka 1

Jelas sumber, alasan kononnya kos operasi di ladang ternakan bagi sekilogram ayam yang meningkat kepada kira-kira RM7 sekilogram susulan penamatan subsidi RM1.40 kepada penternak yang berkuat kuasa 1 Julai hanya 'permainan wayang', kerana situasi sebenar di lapangan adalah sebaliknya.

Sumber dalaman industri mengulas kenyataan dibuat oleh sebuah persatuan penternak bahawa harga runcit ayam pada 30 Jun ini perlu melebihi RM10 sekilogram, bagi mendapatkan situasi 'menang-menang' antara pemain industri rantaian makanan itu serta pengguna.

"Saya mahu tanya, persatuan itu bercakap atas tiket penternak atau mereka sebenarnya mewakili penternak bersepadu (*integrator*)?"

"Walaupun dulu kerajaan sudah letak harga ladang ayam hidup (*ex-farm*) RM5.60, *Integrator* di bawah kartel ini tak pernah beli dengan kita pun harga RM5.60 di ladang, masa itu mereka cuma bayar harga ayam dari ladang kita antara RM4.30 hingga RM4.80 sekilogram (kg) ayam."

"Tapi sekarang ini mereka beritahu, harga di ladang RM7. Kalau kos di ladang RM7, kenapa mereka cuma bayar kepada penternak kontrak cuma RM5.30? Itu maklumat terkini sepanjang tiga bulan sehingga Jun," kata sumber di sini semalam.

Kata sumber, ada bezu antara penternak dengan pemain gergasi, yang mana pemain gergasi lazimnya adalah pembekal anak ayam dan makanan dedak kepada penternak kontrak di bawah mereka.

Malah kata sumber, pemain gergasi sering menindas dan memeras penternak, namun bermain wayang kononnya mereka bercakap mewakili kumpulan penternak sedangkan mereka adalah perancang yang mengawal seluruh rantaian industri ayam negara.

"Cuba bayangkan, kos syarikat-syarikat gergasi itu membeli ayam daripada penternak kontrak cuma kira-kira RM4.30 sekilo. Selepas beli ayam dari penternak, mereka hantar

kilang sembelih dengan kos RM1.50 seekor, bermaksud kos mereka cuma RM12.50 sedangkan harga yang nak dijual ke pasaran ialah RM20 seekor.

"Mereka tak boleh beri alasan menaikkan harga siling ayam sebab kos jagung bijian meningkat, kerana kos makanan ayam itu ditanggung oleh penternak kontrak dan bukannya kartel."

"Untuk makluman, kartel jual dedak ayam kepada penternak kontrak dengan harga tinggi, jadi yang serap kos kenaikan makanan ayam ialah penternak," katanya.

Malah dakwa sumber, pemain gergasi ayam juga sering mensabotaj penternak kontrak dengan menghantar bekalan makanan ayam yang langsung tidak berkhasiat, supaya menjejaskan hasil ternakan sekali gus dapat menaikkan harga ayam di pasaran atas alasan bekalan kurang.

"Kami mempunyai bukti hasil kajian makmal, yang mana kami hantar sampel makanan ayam untuk dibuat ujian. Memang bekalan dedak yang dibekalkan oleh kartel sangat teruk kualitinya, sangat rendah nilai bacaan nutrisi-nutrisi," jelasnya.

Sementara itu, pembekal pembekal kini ditekan oleh kumpulan kartel apabila diberi amaran untuk tidak menyebarkan maklumat atau membangkitkan isu sekiranya mahu terus mendapat bekalan ayam supaya perniagaan mereka tidak terjejas.

Sumber industri memaklumkan bahawa kumpulan 'tangan hitam' itu akan menyenarai hitam sesiapa sahaja yang memberi maklumat kepada mana-mana pihak ketiga.

Jelasnya, disebabkan ia didalangi oleh kumpulan yang besar, maka jika nama pembekal dimasukkan ke dalam senarai tersebut, menjadikan ia sukar untuk menjalankan perniagaan kerana tiada syarikat akan memberi bekalan kepadanya.

"Kalau kartel tahu mana-mana yang mendedahkan maklumat ini kepada pihak ketiga seperti media dan sebagainya, maka anak pasti mereka itu tidak akan dapat berniaga dengan erti kata lain harus pergi tikar."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	21

Terbuka untuk terima kucing

Kuala Lumpur: Pemilik pusat perlindungan kucing Rumah Amanah Hulu Langat, Hashman Don memaklumkan belum mengambil kucing-kucing milik Allahyarham Adibah Noor kerana belum dihubungi waris penyanyi itu.

Dalam hantaran di Facebook rasmi rumah perlindungan itu, Hashman berkata, pihaknya terbuka un-

tuk menerima kucing-kucing itu.

"Memang saya dah beri keizinan untuk kucing-kucing Allahyarham Adibah Noor (tinggal di rumah perlindungan). Tapi, saya belum mengambil kucing-kucing itu sebab waris terdekatnya belum menghubungi saya.

"Tiada masalah bagi saya jika diambil beberapa ekor

(oleh orang lain) dan saya sudi terima yang tinggal (masih ada)," tulisnya.

Sebelum itu, Hashman memuat naik hantaran mengenai prosedur yang ditetapkan rumah perlindungan dan keterbukaannya untuk menerima kucing yang kematian tuan.

"Tiada masalah jika kucing-kucing arwah yang lebih 40 ekor nak berteduh di Rumah Amanah Hulu Langat. Warisnya bolehlah menghubungi saya. Tak perlu bayar apa-apa, tak perlu bagi makanan kucing-kucing itu setiap bulan. Malah, setiap hari Ahad dari jam 2.30 petang hingga 6.30 petang adalah hari melawat dan terbuka kepada umum," tulisnya.

Terdahulu, nama Hashman tular di TikTok selepas pengguna aplikasi itu yang juga pencinta kucing berkongsi mengenai niat baik Hashman.

Sementara itu, cubaan Harian Metro menghubungi Hashman bagi mendapatkan maklumat terkini tidak berjaya. Adibah adalah antara artis yang cukup dikenali dengan sifat sayangkan kucing dan memelihara puluhan ekor kucing.



ALLAHYARHAM Adibah bersama salah satu kucing peliharaannya.

Indonesia to plug shortage of chicken supplies in Singapore

JAKARTA: Indonesian authorities hope to reach an agreement with Singapore to start exporting chickens within weeks, according to officials, as the city-state scrambles to find alternative supply sources after Malaysia restricted sales.

In a further sign of growing global food shortages and supply chain issues, Malaysia halted chicken exports this month until local production and soaring costs stabilise.

The move had a knock-on impact in Singapore with restaurants and street stalls hiking prices of its de facto national dish, chicken rice.

Susiwijono Moegiarso, a senior official at Indonesia's Coordinating Ministry of Economic Affairs, said authorities had conducted "technical discussions" with Singapore and hoped exports could start this month.

The Singapore Food Agency said in a statement it was "working closely" with Indonesian authorities over accreditation of the country as a potential source of chicken imports.

Indonesia produces 55 million to 60 million birds per week, with a surplus of around 15% to 20% after domestic consumption, according to Achmad Dawami, the chairman of the Indonesian Poultry Breeders' Association.

Exports to Singapore, which has an estimated demand of 3.6 million to four million birds per month, could help close the gap, Dawami said. — Reuters

Kertas siasatan kegiatan kartel ayam dibentang minggu depan

Pembentangan tentukan keputusan syor atau tindakan bakal diambil

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas siasatan berhubung kegiatan kartel ayam yang sedang dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan dibentangkan kepada anggota suruhanjaya itu, minggu depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pembentangan itu bagi menentukan keputusan cadangan atau tindakan bakal diambil terhadap pihak terbabit daripada hasil siasatan.

"Kertas siasatan berkenaan akan dibentangkan kepada ang-

gota suruhanjaya pada 27 Jun ini," katanya kepada BH di sini, semalam.

Sebelum ini, BH melaporkan MyCC kini dalam peringkat akhir melengkapkan siasatan terhadap sekumpulan syarikat dalam rantalan bekalan ternakan ayam berhubung kemungkinan wujud kartel yang mempengaruhi harga dan bekalan.

Laporan sebelum ini menyebut syarikat terbabit terdiri dari pada pengimport dan pengeluar sebagai komponen industri utama dalam pembekalan ayam di negara ini yang disiasat mengikut Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, sebelum ini turut menyatakan siasatan MyCC berhubung laporan wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat besar akan selesai pada Jun.

Pada masa sama, Alexander berkata, siasatan itu kini masih pada peringkat akhir dan belum selesai sepenuhnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata keputusan tindakan yang menamatkan siasatan diambil berhubung siasatan kartel ayam terbabit dijangka diper-

Beliau berkata, keputusan cadangan itu akan hanya ditetapkan selepas kertas siasatan dibentangkan kepada semua anggota suruhanjaya pada 27 Jun ini.

"Melalui pembentangan kertas siasatan ini, kita tidak menganggotai syarikat yang sedang disiasat sebaliknya hanya anggota suruhanjaya."

"Selepas itu, keputusan cadangan akan dikeluarkan dan kita jangka kes ini boleh diselesaikan secepat mungkin," katanya. Beliau berkata, sebuah syarikat kelak, pihaknya menjangka persai-

nambah bekalan di pasaran.

Katanya, sepanjang tahun ini MyCC mempunyai lebih 20 kes siasatan termasuk pertipuan bil, namun pihaknya memberi tumpuan dan keutamaan terhadap kes kartel ayam terlebih dahulu.

"Kita tidak mahu melakukan siasatan secara tergesa-ges kerana tidak mahu nanti pihak yang sepatutnya perlu bertang-

gungjawab akan terduga. "Disebalik kami berdepan kekurangan maklumat, kami perlu melakukan kes lain ke tepi dulu dan memberi keutamaan terhadap siasatan kartel ayam ini," katanya.

Kertas siasatan akan dibentangkan kepada anggota suruhanjaya pada 27 Jun ini

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



Melalui pembentangan kertas siasatan ini, kita tidak menganggotai syarikat yang sedang disiasat sebaliknya hanya anggota suruhanjaya

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

Hip

Selasa,
21 Jun 2022

bhip@bh.com.my

Ikuti lebih banyak berita di www.bharian.com.my

Adibah bergolok-bergadai peliharaan lebih 40 kucing

AMANAH sedia ambil 41 'anak bulus' kesayangan tanpa syarat

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin
bhnews@bh.com.my

Kucing, haiwan peliharaan 'ter-lalu istimewa' di hati artis serba boleh, Allahyarham Adibah Noor.

Masakan tidak, penyanyi, pelakon, pengacara, pengisi suara dan bakat iklan yang terkenal di Malaysia itu sanggup mengadai barang kemas demi membiayai makanan dan keperluan 41 kucing kesayangannya ketika era pandemik COVID-19 disebabkan tiada projek kerja.

Malah, juara pertandingan *Suara 90-an Nescafe* 1994 itu tidak pernah berkira soal wang ringgit yang dihabiskan bagi membeli makanan berkhasiat dan keperluan kucing peliharaannya itu.

Ramai insan prihatin mula memikirkan nasib kucing peliharaan arwah apabila penyanyi lagu *Terlalu Istimewa* itu 'tutup mata' dalam usia 52 tahun, Sabtu lalu.

Siapa sah mahu mengambil alih tugas menjaga binatang peliharaannya. Adakah ahli keluarga dan rakan akan menguruskan anak-anak 'bulus' yang menjadi kesayangan arwah?

Ahli keluarga yang ditemui pada hari pengebumian, kelmarin, masih belum memikirkan soal 'anak bulus' itu kerana mahu menyelesaikan urusan pengebumian arwah terlebih dahulu.

Namun, kebimbangan terhadap nasib kucing arwah mendapat pembelaan apabila pusat perlindungan haiwan, Anugerah Mahligai Arah Nasib Abadi Haiwan (AMANAH) bersedia mengambil alih tanggungjawab menjaga kucing berkenaan.

Menerusi satu kenyataan dalam Facebook (FB), AMANAH tidak mempunyai masalah mengambil alih dan memelihara kucing arwah untuk berteduh di rumah AMANAH yang terletak di Hulu Langat, Selangor.

"Salam takziah buat Adibah Noor. Kami tiada masalah jika kucing arwah sebanyak lebih 40 ekor hendak berteduh di rumah AMANAH."

"Syarat nombor utama disebabkan kematian tuan kucing."

"Waris (keluarga Adibah) boleh menghubungi saya. Tidak perlu bayar apa-apa dan tidak perlu beri makanan kucing, setiap bulan."

Malah, setiap Ahad dari jam 2.30 hingga 6.30 petang adalah hari melawat. Terbuka kepada umum," tulis AMANAH dalam FB.

Pemilik rumah AMANAH, Hashman Don, berkata pihaknya bersedia menjaga semua kucing arwah tanpa syarat.

Namun, katanya, AMANAH masih menanti panggilan keluarga arwah untuk berbineang lebih lanjut.

"Setakat ini, saya masih belum dihubungi waris terdekat arwah lagi. Rumah AMANAH bersedia menjaga kucing yang kematian tuannya seperti kes arwah Adibah."

"Selain tuan kucing meninggal dunia, kami juga menerima sekiranya pemilik kucing dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan uzur tanpa sebarang syarat."

"Kami tidak menetapkan bayaran atau waris perlu menyediakan makanan kucing, setiap bulan," katanya ketika dihubungi *HIP*.

Hashman enggan mendedahkan lokasi pusat perlindungan haiwan yang dikendalikan sejak tiga tahun lalu. Ia bermula di Dengkil, sebelum berpindah ke Hulu Langat pada Januari lalu.

Selain Hulu Langat, AMANAH juga mempunyai sebuah lagi pusat perlindungan haiwan yang terletak di USJ, Subang.

Katanya, lebih 350 ekor kucing dan dua ekor anjing berada di bawah rumah AMANAH yang diuruskannya bersama seorang rakan dan empat pembantu.

"Maaf, kami tidak sedia berkongsi lokasi pusat perlindungan haiwan ini kerana tidak mahu

orang ramai menggunakan kesempatan untuk membuang kucing mereka," katanya yang turut tidak bersedia berkongsi nombor akaun kepada umum.

Sementara itu, kecintaan penyanyi kelahiran Kuala Lumpur itu terhadap kucing memang diketahui ramai kerana kekerapannya memuat naik foto bersama kucing peliharaannya.

Tahun lalu, pelakon filem *Sepet, Gubra* dan *Talenthime* itu berkongsi kedukaan apabila kehilangan kucing kesayangan bernama Bobby yang dibela sejak 15 tahun lalu.

Dalam hantaran dimuat naik dalam Instagram (IG) pada Disember lalu, arwah meminta Bobby mendoakannya.

"Bobby mesti gembira di syurga ya sayang. Bobby doa untuk Ma, ya sayang," tulis Adibah.

Namun, arwah pula mengikut jejak langkah kucing kesayangannya itu, Sabtu lalu.

Selain Bobby, arwah turut memiliki beberapa kucing peliharaan yang diberi nama Along, Marco dan Billy. Arwah juga tidak memilih kerana memelihara pelbagai baka termasuk kucing jalanan.

Menerusi kenyataannya lalu, Adibah mengakui, tidak mudah memelihara lebih 40 ekor kucing dan menyifatkan tanggungjawab dipikul amat besar.

Namun, Adibah atau nama sebenarnya, Adibah Noor Mohd Omar tidak pernah mengambil

mudah dalam urusan penjagaan kucing kerana ia ibarat menganiaya binatang kesayangan. Junjangan besar Nabi Muhammad SAW sekiranya tidak menjaganya dengan baik.

Adibah mengakui, sifat terlalu menyayangi haiwan membuatkannya tidak berkira mengenai wang yang dihabiskan untuk keperluan kucing belaanannya.

"Sejujurnya, saya kurang pasti berapa banyak saya berhabis bagi membayar makanan, kos bujukan dan perubatan untuk kucing yang dibela. Apa yang pasti, saya tidak pernah berkira jumlah wang untuk kegunaan mereka."

"Bukan mudah menjaga 41 ekor kucing kerana saya membeli makanan berkhasiat. Tanggungjawab dipikul tidak seharusnya dipandang mudah kerana ia ibarat menganiaya sekiranya tidak dilakukan dengan baik."

"Oleh itu, saya tidak sewenang-wenangnya memberikan kucing kepada peminat yang memintanya daripada saya. Bukan sekadar comel pada pandangan mata, ia adalah tanggungjawab yang sangat memerlukan komitmen jitu," katanya.

Sabtu lalu, peminat dikejutkan berita pemergian arwah yang menghembuskan nafas terakhir di Hospital Gleneagles, Jalan Ampang, di sini, pada jam 7.30 malam, dipercayai akibat penyakit kanser ovari tahap empat.

Akhlak Halimah di Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
Following
10 Jun 2022
Innallahwallohuakumulu
Salam takziah Al Fatihah Insan
Adibah Noor

Tiada masalah jika kucing 2 arwah lebih
40 ekor nak berteduh di Rumah
AMANAH, Hulu Langat, Selangor
SOP no. 1 Kematian Tuan Kucing. Waris
nya boleh lah PM sy. Tak perlu bayar apa2
dan tak perlu bagi makanan kucing 2 tu
sempit badan, makan setiap hari Ahad dari
pukul 2.30 hingga 6.30 petg adalah hari
melawat. Terbuka kepada umum.